

Analisis Isu Kesejahteraan Sosial Masyarakat Melayu di Akhbar Berita Harian Selang Masa 2018-2020

The Analysis of Social Well-Being Issues of the Malay Community in Berita Harian Newspaper Over the Period of 2018-2020

**Rafina Rose binti Nasaruddin¹, Harliana binti Halim^{2*}, Azizi Redza bin
Zainal³ dan Muhamad Faisal bin Ahmad³, Shahidah binti Hamzah²**

¹ Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum,
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, MALAYSIA

² Jabatan Sains Sosial, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum,
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, MALAYSIA

³ Bahagian Pembangunan,
Perbadanan Islam Johor, Johor Bahru, Johor, MALAYSIA

*Corresponding Author: harliana@uthm.edu.my
DOI: <https://doi.org/10.30880/jstard.2024.06.02.010>

Maklumat Artikel

Diserah: 20 September 2024
Diterima: 30 Oktober 2024
Diterbitkan: 12 Disember 2024

Kata Kunci

Masyarakat Melayu, kesejahteraan
sosial, isu akhbar, Berita Harian,
2018-2020

Abstrak

Kesejahteraan sosial masyarakat Melayu telah menjadi isu utama di dalam negara selang tempoh masa 2018-2020. Dalam pada itu, media akhbar di Malaysia banyak memainkan peranan dalam mengetengahkan isu kesejahteraan sosial dalam kalangan masyarakat Melayu. Antara akhbar yang banyak menonjolkan isu berhubung kesejahteraan sosial masyarakat Melayu dalam tempoh tersebut ialah media akhbar Berita Harian. Justeru, kajian ini akan memfokuskan kepada mengenalpasti isu utama kesejahteraan sosial masyarakat Melayu yang telah dilaporkan di media akhbar Berita Harian dalam tempoh 2018 sehingga 2020. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif, analisis dokumen, pengekodan dan tematik dalam menjalankan kajian. Hasil kajian mendapati isu yang dilaporkan oleh media akhbar Berita Harian ini amat menyumbang dalam membina gambaran holistik dan tepat berhubung kesejahteraan sosial masyarakat Melayu di samping berperanan membina persepsi masyarakat berhubung isu tersebut. Gambaran yang holistik dari perspektif media akhbar Berita Harian juga turut menyumbang kepada perancangan dan tindakan pro aktif oleh pihak kerajaan untuk menangani isu berkenaan.

Keyword

Malay community; social well-being; newspaper issues; Berita Harian; 2018-2020

Abstract

The social well-being of the Malay community has become a major issue in the country during the period from 2018 to 2020. During this time, Malaysian newspapers played a significant role in highlighting social well-being issues within the Malay community. Among the newspapers that prominently featured issues related to the social well-being of the Malay community during this period was Berita Harian. Therefore, this study will focus identifying the social well-being issues of the Malay community reported in Berita Harian during the 2018 to 2020 period. This study employs a qualitative descriptive approach, document analysis, coding, and thematic analysis. The findings of the study show that the issues reported by Berita Harian greatly contribute to building a holistic and accurate picture of the social well-being of the Malay community, while also shaping public perceptions of these issues. This holistic view from the perspective of Berita Harian also contributes to proactive planning and actions by the government to address these issues.

1. Pengenalan dan Latar Belakang

Kesejahteraan sosial merupakan matlamat jangka masa panjang yang ingin dicapai oleh semua individu, keluarga dan komuniti. Kesejahteraan sosial menggambarkan pencapaian pembangunan sesebuah komuniti. Konsep kesejahteraan sosial dapat memperjelas strategi dalam usaha untuk mengubah sesebuah komuniti melalui bantuan keperluan asas hidup, pengurusan masalah sosial dan isu domestik, dan akses kepada mobiliti sosial dalam komuniti. Pemahaman terhadap ketiga-tiga elemen kesejahteraan sosial ini akan membantu komuniti menerima akses kepada gaya hidup optimum serta dapat memanfaatkan peluang mobiliti sosial. Seterusnya, masyarakat dapat membangunkan potensi diri dengan semaksima mungkin melalui penglibatan aktif dalam komuniti dan sumbangan berterusan.

Media akhbar adalah alat atau instrumen terpenting yang digunakan untuk menyampaikan maklumat, membina persepsi dan tanggapan, serta membentuk sikap masyarakat terhadap maklumat yang disampaikan melalui pembentukan pola pemikiran. Namun begitu sepanjang tahun 2018 sehingga tahun 2020, hasil daripada tinjauan awal yang pengkaji lakukan, media akhbar dilihat banyak melaporkan tentang isu kesejahteraan sosial masyarakat Melayu khususnya berhubung dengan isu keciciran pendidikan, penguncupan pendapatan dalam kalangan petani dan nelayan Melayu, isu keselamatan dengan peningkatan kadar jenayah, isu perumahan juga isu pemecahan pemikiran dalam kalangan masyarakat Melayu berbanding tahun sebelumnya. Justeru, kajian ini dilihat amat perlu untuk dijalankan untuk menganalisis kepelbagaian isu kesejahteraan sosial masyarakat Melayu yang ditulis dalam media akhbar. Ini kerana, pelaporan di media akhbar secara tidak langsung memberi gambaran tentang situasi semasa yang berlaku dalam kalangan masyarakat Melayu khususnya dari aspek kesejahteraan sosial.

Tambahan pula, media akhbar merupakan alat atau instrumen terpenting yang digunakan untuk menyampaikan maklumat, membina persepsi dan tanggapan, dan membentuk sikap masyarakat tentang maklumat yang disampaikan. Pandangan ini adalah selari dengan kajian oleh McQuail (1983) yang menyatakan organisasi media merupakan perantara yang menyampaikan dan menyalurkan maklumat kepada orang ramai. Media telah terbukti menjadi alat atau perantara terpenting dalam menyampaikan maklumat dan mesej tertentu. Kepentingan media bukan sekadar terhenti setakat menyampaikan maklumat sahaja, tetapi lebih daripada itu kerana media berperanan dalam membentuk pola pemikiran masyarakat sejauh mana merasakan kepunyaan masyarakat dan integrasi sosial. Gaya hidup, cara hidup bersama, sistem nilai, tradisi dan kepercayaan sebenarnya amat mempengaruhi kesejahteraan sosial dan kualiti kehidupan sesebuah masyarakat khususnya masyarakat Melayu. Kajian ini bagaimanapun akan menumpukan skop kajian kepada pelaporan akhbar dari media akhbar Berita Harian sebagai sumber utama kajian dengan objektif utama iaitu mengenalpasti isu kesejahteraan sosial masyarakat Melayu dalam Berita Harian antara 2018 hingga 2020.

2. Kajian Literatur

Media akhbar Berita Harian (BH) merupakan sebuah akhbar besar di Malaysia yang ditulis dalam bahasa Melayu. Penerbitan akhbar ini bermula pada tahun 1957 iaitu ketika Tanah Melayu dalam usaha mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 (NSTP, 2020). Edisi Berita Harian pada setiap hari Ahad, dinamakan Berita Minggu. Akhbar ini diterbitkan oleh The New Straits Times Press (M) Berhad (NSTP), yang juga menerbitkan akhbar bahasa

Inggeris terkenal, *The New Straits Times* (New Straits Times Press, 2018). Berita Harian merupakan akhbar harian berbahasa Melayu pertama yang diterbitkan di Malaysia, dengan tujuan untuk menyediakan berita dan maklumat kepada pembaca Melayu di negara ini.

Berbalik kepada penubuhan Akhbar Berita Harian (BH), akhbar ini pada permulaannya diasaskan pada tahun 1957 oleh Syed Mohamed bin Alwi Alatas (NSTP, 2020). Pada masa tersebut Berita Harian merupakan akhbar berbahasa Melayu pertama di Malaysia yang diterbitkan setiap hari. Berita Harian dimulakan semasa negara ini sedang menghadapi peralihan penting menuju kemerdekaan daripada pemerintahan penjajah British. Penubuhan Berita Harian bertujuan untuk menyampaikan maklumat yang relevan dan bermanfaat kepada masyarakat Melayu, serta berperanan dalam membina semangat kebangsaan dan kesedaran politik di kalangan pembaca menjelang kemerdekaan Tanah Melayu (Yusof, 2007).

Dalam konteks laporan berita, Berita Harian banyak menumpukan kepada isu semasa, berita politik, ekonomi, sukan, dan perkembangan sosial yang penting kepada komuniti Melayu (Mustapha, 2015). Justeru, akhbar ini memainkan peranan penting dalam menyampaikan berita dan pandangan semasa kepada masyarakat Malaysia pada masa itu. Berita Harian juga mempunyai pengaruh yang besar dalam membangunkan media cetak di Malaysia dan terus menjadi salah satu akhbar utama di negara ini hingga kini (Yusof, 2007). Sejak penubuhannya, Berita Harian telah mengalami pelbagai perubahan dan pertumbuhan, tetapi tetap setia kepada misinya untuk menyediakan berita yang berkualiti kepada pembacanya.

Walau bagaimanapun selari dengan perkembangan dunia digital, Berita Harian telah berjaya mengadaptasi diri dengan melancarkan platform digital mereka pada 1988. Ini membolehkan mereka menjangkau pembaca dalam dan luar negara dengan lebih efektif, serta menyediakan akses kepada berita secara semasa (NSTP, 2020). Ini menandakan langkah awal mereka dalam mengadaptasi teknologi digital untuk menyebarkan berita dan maklumat kepada pembaca secara dalam talian. Sejak itu, media akhbar ini telah terus memperluas kehadiran digital mereka dengan memperkenalkan pelbagai platform digital untuk memenuhi keperluan pembaca yang semakin berkembang dalam era digital ini.

Oleh kerana Berita Harian mempunyai pengaruh yang signifikan di Malaysia dalam dari aspek fungsinya sebagai media tradisional utama iaitu sebagai salah satu akhbar berbahasa Melayu tertua dan terbesar di Malaysia maka Berita Harian memainkan peranan penting dalam menyampaikan berita dan pandangan kepada masyarakat berbahasa Melayu di negara ini (Mustapha, 2015). Berita Harian sering kali menjadi platform untuk mengupas isu politik, sosial, dan ekonomi yang relevan kepada pembaca. Penulisan laporan beritanya mempengaruhi persepsi dan pemikiran masyarakat terhadap isu semasa. Sejak penubuhannya, Berita Harian telah menyumbang kepada perkembangan budaya media cetak di Malaysia. Ia membantu membentuk identiti media Malaysia dan mempromosikan kepentingan budaya dan kesedaran nasional. Dengan itu tidak dapat dinafikan bahawa Berita Harian terus memainkan peranan yang penting dalam landskap media Malaysia dengan memberikan informasi yang berkualiti dan relevan kepada pembaca mereka. Sewajarnya perspektif Berita Harian berhubung isu kesejahteraan sosial dikaji untuk mewakili pandangan masyarakat Melayu berhubung isu ini.

3. Objektif Kajian

Penyelidikan ini memfokuskan kepada objektif mengenal pasti isu utama kesejahteraan sosial masyarakat Melayu seperti yang dilaporkan di media akhbar Berita Harian dalam tempoh 2018 sehingga 2020.

4. Metodologi Kajian

Reka bentuk penyelidikan merupakan sebuah cadangan atau rancangan dalam menjalankan kajian yang memerlukan penglibatan interaksi dalam kalangan ahli falsafah kajian, strategi dalam menjalankan kajian dan metodologi kajian (Creswell, 2017). Dalam menjalankan penyelidikan ini, reka bentuk kajian kualitatif deskriptif menggunakan metod analisis kandungan media akhbar terpilih di Malaysia untuk memenuhi objektif kajian iaitu mengenalpasti isu kesejahteraan sosial masyarakat Melayu dalam Berita Harian antara 2018 hingga 2020. Isu yang telah dikenal pasti adalah berjumlah dua puluh empat isu (24). Reka bentuk kualitatif deskriptif memberikan fleksibiliti dalam pengumpulan data, membolehkan penyelidik menggunakan pelbagai teknik seperti temubual, analisis dokumen, dan pemerhatian untuk mendapatkan gambaran yang komprehensif (Patton, 2015). Fleksibiliti ini membolehkan penyelidik mengumpulkan data berbentuk artikel menggunakan analisis dokumen. Dengan itu penyesuaian metodologi dapat berdasarkan situasi dan konteks kajian, memastikan data yang dikumpulkan relevan dan bermakna.

Pengumpulan maklumat dari media akhbar Berita Harian secara analisis dokumen seterusnya dapat dianalisis bagi mewujudkan isu berdasarkan tema yang bersesuaian dan berkaitan dengan kajian (Creswell, 2017). Proses analisis data kajian ini bermula daripada pembacaan setiap laporan di media akhbar yang terkumpul dan proses mentranskrip rakaman temu bual ke dalam dokumen Microsoft Word serta menganalisis kedua-dua sumber tadi secara baris ke baris menggunakan pendekatan analisis pengkodan dan tematik. Braun and Clarke (2006) mendefinisikan analisis tematik sebagai satu proses mengenal pasti pola atau corak dan membina tema berdasarkan pembacaan menyeluruh terhadap sesebuah kajian. Analisis tematik mampu

menganalisis data bagi mengenal pasti corak atau mencari tema melalui data yang dikumpulkan oleh pengkaji (Braun et.al, 2006). Pengkaji juga akan mengeluarkan data kualitatif yang mereka ada secara terperinci untuk dicari perkaitan corak atau dalam fenomena dan menerangkan sejauh mana fenomena itu berlaku melalui pandangan pengkaji (Fereday & Muir-Cochrane, 2006). Malah Holloway dan Todd (2003) mengatakan bahawa analisis tematik ini adalah asas untuk analisis dalam penyelidikan kualitatif.

Bagi sumber laporan di media akhbar penyelidikan ini, analisis pengekodan dan tematik adalah bertujuan untuk mengenal pasti pola dan perbincangan kajian pembinaan tema seterusnya menyenaraikannya sebagai kata kunci bagi menjawab objektif dua penyelidikan berdasarkan kepada pembacaan tajuk dan kandungan laporan. Setiap tajuk dan laporan akhbar diteliti dan telah dicatat, perkataan demi perkataan, dan mengekalkan gaya penyelidikan bagi menunjukkan mod penyelidikan laporan tersebut dan memudahkan pengkaji untuk mengenal pasti tema yang ingin dikemukakan berhubung kesejahteraan sosial masyarakat Melayu.

5. Isu Utama Kesejahteraan Sosial Masyarakat Melayu dalam Tempoh 2018 sehingga 2020 berdasarkan Laporan Media Akhbar Berita Harian

Media akhbar Berita Harian merupakan antara akhbar di Malaysia yang banyak memainkan peranan dalam menonjolkan imej Melayu dan isu berhubung kesejahteraan sosial. Justeru, isu kesejahteraan sosial masyarakat Melayu yang telah dilaporkan di akhbar Berita Harian banyak memfokuskan kepada laporan serta maklumat yang dilihat sebagai menggugat kesejahteraan sosial masyarakat Melayu dalam tempoh masa tahun 2018 sehingga 2020. Sebanyak dua puluh empat (24) artikel telah dikenal pasti menegenahkan isu kesejahteraan sosial dalam pelbagai tema. Hasil kajian juga mendapati terdapat isu yang dilaporkan oleh media akhbar Berita Harian ini yang turut menyumbang dalam memberi gambaran holistik dan tepat berhubung kesejahteraan sosial masyarakat Melayu. Jadual 1 menjelaskan secara terperinci isu utama yang diketengahkan oleh akhbar Berita Harian pada tahun 2018 sehingga 2020.

Jadual 1 Isu utama kesejahteraan sosial masyarakat melayu di akhbar Berita Harian

No.	Hasil dapatan Isu utama kesejahteraan sosial masyarakat Melayu di akhbar Berita Harian
1	Ismail, I. S. (2019, July 26). <i>Pameran satukan ummah</i> . Berita Harian. (a) Festival Kesenian dan Kebudayaan Islam Antarabangsa mampu menjadi landasan kepada penyatuan ummah. (b) Festival itu dapat menangkis stigma negatif terhadap Islam seperti <i>Islamophobia</i> .
2	Mohamad, H. F. (2019, July 30). <i>Tawaran harga menarik tanah Kampung Baru</i> . Berita Harian. (a) Tawaran harga menarik bagi membeli tanah penduduk di Kampung Baru. (b) Tawaran hanya membabitkan pemilik tanah dalam kawasan yang diwartakan sebagai kawasan <i>Malay Agricultural Settlement</i> .
3	116 ditahan salah guna bahan khayal. Berita Harian. (2019, July 31). (a) Seramai 116 individu ditahan polis dalam Op Ice Breaker di daerah Seberang Perai Utara. (b) 116 individu yang ditahan terdiri daripada pengedar dan penagih dadah yang bekerja sebagai buruh, nelayan, dan penganggur.
4	<i>Tanah rizab Melayu di Terengganu kritikal</i> . Berita Harian. (2019, August 17). (a) Hanya tinggal 0.003 peratus atau kurang daripada 100 hektar sahaja tanah rizab Melayu yang masih tinggal di Terengganu. (b) Mengikut Perlembagaan, jumlah sepatutnya adalah sekitar 12 hingga 15 peratus tanah rizab Melayu di setiap negeri. (c) Tambahan pula, ada tanah riza Melayu di Terengganu yang diambil untuk projek mega Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) dan tidak diganti.


-
- 5 Anwar, S. F. M. (2019, August 24). *Tindakan bercanggah Perlembagaan*. Berita Harian.
- (a) Kementerian Belia dan Sukan menukar nama Hari Sukan Negara kepada *Malaysia Sports Challenge* (MySC) 2019 dilihat sebagai pencabulan kepada kedaulatan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.
 - (b) Anggapan bahasa Melayu tidak sesuai dengan acara antarabangsa adalah satu bentuk penghinaan.
-
- 6 Baharin, H. B. (2019, August 25). *Rangka kaedah baharu atasi kemiskinan*: Anwar. Berita Harian.
- (a) Kerajaan merangka pendekatan baharu membasmi kemiskinan merentasi kaum bagi menggantikan Dasar Ekonomi Baru (DEB).
 - (b) Beliau berkata, kita tidak seharusnya terperangkap dalam kerangka pemikiran lama kerana kita mahu satu dasar ekonomi yang boleh membantu mengurangkan beban masyarakat miskin terpinggir.
-
- 7 Zakaria, B. K. (2019, September 8). *Usah bahas lagi isu bahasa Melayu*. Berita Harian.
- (a) Penguasaan dan penggunaan bahasa Melayu harus dimulakan daripada pemimpin merangkumi wakil rakyat dan penjawat awam.
 - (b) Wakil rakyat sama ada di Parlimen atau di DUN tanpa mengira bangsa mesti mempunyai penguasaan bahasa Melayu yang baik.
-
- 8 Saheh, S. (2019, September 14). *Menempuhi cabaran pembangunan Kampung Baru*. Berita Harian.
- (a) Tanah MAS adalah tanah hak milik kekal yang dikenakan sekatan kepentingan yang menyatakan tanah itu tidak boleh dipindahmilik kepada bukan Melayu dan tidak boleh diduduki oleh orang bukan Melayu.
 - (b) Cabaran terbesar bagi tanah di Kampung Baru ialah untuk mendapatkan persetujuan daripada setiap pemilik tanah yang sudah berkembang dari generasi ke generasi.
-
- 9 Mansor, L. (2019, September 27). *Kerajaan lebih teliti saring kontrak Bumiputera: PM*. Berita Harian.
- (a) Kerajaan akan lebih teliti dalam pemberian kontrak kepada peniaga Bumiputera bagi menangani ketirisan kuota golongan ini.
 - (b) Beliau berkata, kunci perubahan perlu dirintis bukan identiti kaum seseorang sebaliknya prestasi ekonomi mereka.
-
- 10 Rohman, M. A. P. (2019 October 8). *Menteri Kewangan perlu jaga hak Melayu, Bumiputera*. Berita Harian.
- (a) Menteri Kewangan mesti dilantik daripada individu yang mampu membela hak semua kaum terutamanya Melayu dan Bumiputera.
 - (b) Timbalan Ketua Dewan pemuda PAS menggesa untuk jawatan utama di peringkat negara dan negeri diberikan kepada orang Islam Ahli Sunnah Wal Jamaah.
-

-
- 11 Idris, R. (2019, October 9). *Kongres bangkit kesedaran, erat perpaduan*. Berita Harian.
- (a) Kongres Maruah Melayu ini mahu menterjemahkan isu penyatuan umat Melayu dari perspektif lebih besar.
 - (b) Pembentangan resolusi, perbincangan, wacana, dan persidangan meja bulat telah diadakan bagi menyuarakan keresahan orang Melayu.
-
- 12 Dr Mahathir kesal pihak bantah Melayu berhimpun. Berita Harian. (2019, October 26).
- (a) Terdapat gesaan supaya kumpulan perintis orang Melayu yang hadir pada Kongres Maruah Melayu, untuk dipecat.
 - (b) Beliau terkilan memikirkan masyarakat Bumiputera di negara sendiri tidak boleh mengadakan perhimpunan untuk diri mereka malah dilabel sebagai rasis.
-
- 13 Mohamad, M. H. (2019, November 5). *Sistem pendidikan tunggal satukan kaum*. Berita Harian.
- (a) Kemakmuran dan kemajuan negara bergantung kepada perpaduan.
 - (b) Semangat *assabiyah* atau solidariti sosial atau cintakan kaum amat diperlukan bagi membolehkan manusia menjalani hidup dengan sempurna.
 - (c) Cara untuk mewujudkan semangat kesatuan dan perpaduan dan dalam masa yang sama mewujudkan sikap *assabiyah* yang lebih besar perspektifnya ialah menerusi satu sistem pendidikan yang seragam.
-
- 14 Ismail, I. S. (2019, November 15). *Seksyen 13A BDRA tak terpakai untuk Muslim*. Berita Harian.
- (a) Seorang bapa kepada anak tidak sah taraf tidak boleh mendaftar nama anak di bawah Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (BDRA).
 - (b) Justeru, ini menyebabkan anak tersebut tidak boleh di bin atau binti dengan namanya selain daripada 'Abdullah'.
-
- 15 Jaafar, N. (2019, November 26). *Belum tahu status tanah*. Berita Harian.
- (a) Tanah di Kampung Baru menjadi sasaran pelbagai projek pembangunan moden termasuk kondominium mewah.
 - (b) Jika tanah itu berstatus rizab Melayu, ia mesti dijual kepada orang Melayu sahaja.
 - (c) Sultan Selangor mahukan Kampung Baru dibangunkan dengan mengekalkan elemen dan ciri kemelayuannya.
-
- 16 Ikhsan, M. F., & Sazili, S. (2019, December 9). *'Lagu Negaraku tak boleh dinyanyikan dalam bahasa lain'*. Berita Harian.
- (a) Menyanyikan *Negaraku* dalam bahasa Melayu termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.
 - (b) Hanya terjemahan lagu *Negaraku* ke dalam bahasa lain bagi tujuan orang bukan Melayu untuk memahami makna lagu tersebut sahaja dibenarkan.
 - (c) Tular video murid sebuah sekolah menyanyikan lagu *Negaraku* dalam bahasa Mandarin.
-

-
- 17 *Kembalikan kedudukan bahasa Melayu di universiti*. Berita Harian. (2019, December 17).
 (a) Hak bahasa Melayu sebagai kebangsaan di universiti awam (UA) dan swasta perlu dimartabatkan.
 (b) Antara cabaran ialah penarafan jurnal dalam korpus dibuat dalam bahasa Inggeris.
 (c) Langkah yang perlu ialah mengimbangi penggunaan bahasa Inggeris dan pada masa yang sama, memartabatkan bahasa Melayu.
-
- 18 Zulkifli, Z. (2019, December 30). '*Notis dianggap tidak terpakai*'. Berita Harian.
 (a) Semua masjid di Pulau Pinang perlu dibuka bagi solat fardu lima waktu.
 (b) Penutupan Masjid jalan York disebabkan ia kerap menjadi sasaran vandalisme.
 Mendapat perhatian umum yang rata-ratanya tidak berpuas hati kerana seolah-olah tindakan vandalisme mengganggu kesucian Islam dan diganggu oleh pihak tertentu.
-
- 19 Ibrahim, M. I. (2020, January 2). *NGO berhimpun desak haramkan Dong Zong*. Berita Harian.
 (a) Berhubung isu pembelajaran tulisan Jawi di sekolah vernakular.
 (b) Dong Zong telah menghalang pembelajaran Jawi di sekolah vernakular sekaligus menggugat usaha perpaduan yang cuba diwujudkan kerajaan.
 (c) Isu Jawi tersebut merupakan isu kecil yang dibesarkan Dong Zong kerana pembelajaran Jawi tersebut hanya melibatkan tiga muka surat sahaja.
-
- 20 Samadi Ahmad, (2020, January 2). *Dong Zong serah memorandum tolak tulisan Jawi*. Berita Harian.
 (a) Dong Zong menyerahkan memorandum penolakan tersebut kepada Kementerian Pendidikan.
 (b) Mereka berkata tidak menolak Jawi akan tetapi perkara tersebut perlu dipersetujui secara sukarela oleh PIBG.
 (c) Dong Zong mempertahankan hak dan kuasa Lembaga Pengelola Sekolah sebagai penentu segala dasar Kementerian Pendidikan di SJK.
-
- 21 Omar, I. (2020, January 29). *RMKe-12 perlu majukan tanah rizab, wakaf, adat*. Berita Harian.
 (a) Apabila wujud masalah hak milikan tanah yang menyebabkan pembangunannya terbantut, nilai modal tanah tersebut akan membeku.
 (b) Ini jelas merujuk kepada tanah bumiputera di Kampung Baru.
 (c) Ketiadaan polisi, strategi dan program yang jelas menyebabkan prestasi serta pulangan bagi hartanah Melayu berada di bawah paras optimum.
-
- 22 Rahim, N. F., & Ishak, M. (2020, February 8). '*PPSMI tak wajar diteruskan*'. Berita Harian.
 (a) PPSMI terbukti tidak dapat meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris pelajar.
 (b) Perdana Menteri berkata, subjek Matematik dan Sains bukanlah subjek yang statik seperti Sejarah dan Geografi di mana subjek statik mudah untuk diajar di dalam bahasa ibunda.
 (c) Tambahan pula, bahasa Inggeris adalah bahasa yang kerap digunakan dalam industri dan persidangan sains antarabangsa.
-

- 23 Halid, S. (2020, February 10). *JAKIM cari kaedah terbaik selesai isu*. Berita Harian.
- (a) Tindakan Muhammad Sajad Kamaruzzaman mengerjakan umrah dengan memakai telekung.
 - (b) JAKIM mengutamakan nasihat akan tetapi tindakan undang-undang juga turut dipertimbangkan.
-
- 24 *Keputusan majoriti 4-3*. Berita Harian. (2020, January 3).
- (a) Mahkamah Persekutuan memutuskan anak orang Islam yang dilahirkan sebagai anak tidak sah taraf tidak boleh dibin atau binti dengan nama bapanya.
 - (b) Fatwa Kebangsaan menyatakan bahawa anak tidak sah taraf Islam hendaklah di bin atau binti 'Abdullah'.
-

Berdasarkan dapatan kajian, isu berhubung hak istimewa, isu berhubung Islam dan isu berhubung budaya merupakan isu yang banyak mendapati liputan oleh media akhbar Berita Harian sepanjang 2018-2020. Sebanyak tujuh (7) isu mewakili hak istimewa yang dilaporkan, diikuti oleh isu Islam dan budaya, masing-masing sebanyak enam (6) laporan di media akhbar Berita Harian. Isu-isu lain seperti isu pendidikan dan bahasa Melayu masing-masing diwakili oleh angka empat (4) laporan dan isu akauntabiliti berjumlah dua (2) laporan. Manakala isu institusi beraja dan diskriminasi berjumlah satu (1) setiap satunya. Jumlah keseluruhan laporan yang berjaya dikumpulkan dan dianalisis adalah sebanyak dua puluh empat artikel (24). Secara ringkasnya, gambaran isu ini dapat dilihat dalam rajah 1 berikut:



Rajah 1 Analisis tema isu utama kesejahteraan sosial masyarakat Melayu di akhbar Berita Harian sepanjang 2018 hingga 2020

Isu hak istimewa seperti yang dinyatakan sebelum ini merupakan laporan akhbar tertinggi diterbitkan oleh media akhbar Berita Harian sepanjang 2018-2020. Ini menunjukkan bahawa hak istimewa orang Melayu merupakan perkara utama yang ingin dipelihara oleh orang Melayu atau bumiputera sebagai rangka kerja yang mentakrifkan isu kewarganegaraan dan hak untuk bukan anak negeri, manakala pemberian hak istimewa kepada anak negeri telah disebut dan diputuskan dalam Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan atas persetujuan kontrak sosial. Islam sebagai agama persekutuan, bahasa Melayu sebagai bahasa pertama, dan hak istimewa lain untuk Bumiputera tercatat dalam catatan sejarah pembinaan Perlembagaan pada tahun 1948 dan 1957 seterusnya dibawa kepada penubuhan Malaysia 1963.

Dalam pada itu, isu kedua tertinggi berhubung kesejahteraan sosial masyarakat Melayu ialah berhubung dengan topik budaya. Sebanyak enam (6) artikel dilaporkan oleh Berita Harian sepanjang 2018-2020. Usaha mengekalkan budaya kaum bukanlah sesuatu yang baru dalam sebuah negara yang berbilang kaum. Malaysia termasuk India, Cina, Melayu, Iban dan etnik lain dibenarkan untuk mengekalkan nilai budaya mereka. Namun begitu, kebimbangan orang Melayu selepas Pilihan Raya Umum ke-14 adalah berhubung rapat dengan usaha meratifikasi ICERD di Malaysia.

Dengan menerima norma ICERD di Malaysia, budaya institusi beraja Melayu akan sangat tercemar kerana semua kaum akan mempunyai pembahagian hak yang sama rata. Apabila tiada institusi beraja di Malaysia, kedudukan Islam di Malaysia akan terjejas kerana Yang di-Pertuan Agong adalah lambang kemelayuan dan agama Islam.

Memandangkan adat istiadat adalah sesuatu yang tumbuh daripada perbuatan percaya, rutin dan contoh daripada generasi yang lebih tua, perubahan dalam cara pelaksanaan akan menyebabkan sesuatu etnik itu berasa terancam dan tidak selesa. Perubahan budaya dalam sesebuah masyarakat adalah lumrah berlaku disebabkan oleh aktiviti globalisasi dan pemodenan. Perubahan itu akan mengambil masa bertahun-tahun dan dekad untuk dilaksanakan sepenuhnya namun, dalam penolakan ICERD oleh orang Melayu, ratifikasi dilihat akan meninggalkan trauma sosio budaya kepada orang Melayu kerana perubahan budaya berlaku dalam masa yang singkat (Khalid et. al, 2019).

Dalam pada itu, sebanyak empat (4) artikel memperkatakan tentang tema pendidikan dari laporan Berita Harian. Isu pendidikan yang dilaporkan merangkumi :

- (a) Sistem pendidikan yang tunggal akan menyatukan kaum.
- (b) Dong Zong menyerahkan memorandum menolak tulisan jawi dalam buku teks.
- (c) Pengajaran dan pembelajaran sains dan matematik dalam bahasa Inggeris adalah tidak munasabah untuk diteruskan.

Pendidikan di Malaysia sentiasa menekankan kepada aplikasi kepada satu jenis sistem pendidikan sahaja. Ini kerana usaha tersebut diyakini dapat meningkatkan perpaduan antara kaum di Malaysia disebabkan penggunaan bahasa yang serupa (Bahasa Melayu) untuk berkomunikasi dan penyampaian kepada pelajar. Sekolah-sekolah seharusnya mewajibkan mata pelajaran bahasa pertama digunakan dan ketika itulah pelajar dari pelbagai kaum akan berasimilasi dalam masyarakat perpaduan.

Tambahan pula, terdapat kebimbangan yang timbul dalam kalangan masyarakat bukan Melayu yang jelas apabila sekolah awam terdedah kepada rancangan berteraskan Melayu dan Islam dan dilihat akan memberi kesan kepada kepercayaan bukan Melayu terhadap agama dan pegangan mereka. Ini merupakan antara sebabnya kita dapat melihat Persatuan Jawatankuasa Sekolah Cina Bersatu Malaysia atau dikenali sebagai Dong Zong menyerahkan memorandum menolak tulisan Jawi dalam buku teks (Samadi Ahmad, 2020).

Sebenarnya, tiada unsur-unsur yang menjejaskan identiti sesuatu kaum dan agenda penyebaran agama yang terkandung di dalam buku teks sekolah. Jumlah muka surat yang terlibat hanyalah melibatkan tiga muka surat yang menerangkan maksud tulisan Jawi yang terdapat pada Jata Malaysia, setem dan wang kertas yang digunakan oleh seluruh rakyat Malaysia. Tema dalam buku teks ini amat bersesuaian dan tiada unsur yang perlu diragui. Ibu bapa dan penjaga bukan Islam tidak perlu risau selagi pihak sekolah tidak mengamalkan diskriminasi dan memisahkan mereka dari segi kaum asal mereka atau memaksa mereka untuk beragama Islam (Muhammad et.al, 2022).

Selain itu, isu bahasa mempunyai jumlah pelaporan berita di media akhbar Berita Harian yang sama seperti isu pendidikan. Sebanyak empat (4) artikel laporan keseluruhan daripada Berita Harian. Isu kesejahteraan sosial yang dikaitkan dengan isu bahasa khususnya bahasa Melayu yang dilaporkan dalam topik media akhbar Berita Harian seperti berikut:

- (a) Kementerian Belia dan Sukan menukar nama Hari Sukan Negara kepada Cabaran Sukan Malaysia (MySC) 2019 dilihat sebagai satu pencabulan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.
- (b) Video pelajar di sebuah sekolah menyanyikan lagu Negaraku dalam bahasa Mandarin.
- (c) Wakil rakyat sama ada di Parlimen atau di DUN tanpa mengira bangsa mesti mempunyai penguasaan bahasa Melayu yang baik.
- (d) Hak bahasa Melayu sebagai kebangsaan di universiti awam (UA) dan swasta perlu dimartabatkan.

Memandangkan bahasa Melayu telah diiktiraf sebagai bahasa rasmi persekutuan, justeru melihat situasi pelajar menyanyikan lagu kebangsaan dalam bahasa Cina telah menarik perhatian orang ramai. Ini kerana Malaysia tidak menyediakan versi lain lagu kebangsaan dengan bahasa yang berbeza. Oleh itu, melihat keadaan itu, ramai yang percaya bahasa Melayu telah dicabuli terutamanya apabila melibatkan pertukaran bahasa asal lagu kebangsaan. Perkara ini sudah tentu menggugat kesejahteraan sosial masyarakat Melayu kerana bahasa Melayu merupakan bahasa identiti Melayu dan negara Malaysia.

Seterusnya tema akauntabiliti menduduki senarai tema ketujuh berhubung kesejahteraan sosial masyarakat Melayu. Sebanyak dua (2) artikel laporan di media akhbar yang telah dihasilkan sepanjang 2018 sehingga 2020. Isu yang dikupas dalam tema akauntabiliti kebanyakannya berkisar tentang pengurusan Felda yang terdiri daripada majoriti peneroka Bumiputera telah diseleweng dan tidak ditadbir dengan baik. Isu akauntabiliti Felda (Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan) menjadi kebimbangan utama orang Melayu kerana Felda diasaskan untuk membantu majoriti golongan miskin Melayu dengan mengagihkan tanah-tanah untuk mereka untuk menjalankan sebarang perniagaan atau penanaman di atas tersebut untuk kelangsungan hidup.

Isu diskriminasi dan isu institusi beraja merupakan isu paling sedikit yang mendapat liputan media Berita Harian. Ini berkemungkinan kerana isu diskriminasi di Malaysia bukan isu yang sangat jelas. Selain itu, kedua isu ini juga merupakan satu isu yang terlalu sensitif untuk dilaporkan kepada masyarakat umum dan pihak berkuasa awam.

Kesimpulan

Media akhbar Berita Harian telah memainkan peranannya sebagai salah sebuah media akhbar tertua dan dominan untuk melaporkan isu kesejahteraan sosial masyarakat Melayu sepanjang 2018 sehingga 2020. Berdasarkan kepada analisis laporan media akhbar Berita Harian yang dikemukakan, pengkaji telah mengenal pasti kumpulan isu seperti isu hak istimewa, agama, budaya, dan pendidikan sebagai isu utama kesejahteraan sosial masyarakat Melayu pada tahun tersebut. Ini menunjukkan bahawa media akhbar Berita Harian mengutamakan isu pemeliharaan hak istimewa dan sosial masyarakat Melayu sebagai fokus utama. Liputan yang tinggi mengenai isu ini juga menunjukkan bahawa akhbar seperti Berita Harian berperanan dalam membina naratif yang melindungi kedudukan istimewa masyarakat Melayu dalam negara serta memastikan kesejahteraan sosial mereka terjaga. Ini secara tidak langsung menunjukkan bagaimana media akhbar mampu memainkan peranan penting dalam memberi gambaran akan kepentingan sesuatu isu berhubung kesejahteraan sosial serta menjadi kuasa pendesak kepada tindakan pihak yang berkenaan untuk bertindak di samping mampu mempengaruhi masyarakat dalam membina perspektif terhadap isu kesejahteraan sosial.

Penghargaan

Penyelidikan ini ditaja oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melalui Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS/1/2019/SSI05/UTHM/02/1). Pembentangan dalam persidangan bagi penyelidikan ini telah dibantu oleh Pusat Kepimpinan dan Kompetensi, Pejabat Pendaftar, UTHM. Walau bagaimanapun, sebarang pendapat, penemuan, kesimpulan atau cadangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah merupakan dapatan kajian penyelidik dan tidak semestinya mencerminkan pandangan mana-mana institusi sokongan.

Konflik Kepentingan

Penyelidik dengan ini mengesahkan bahawa tidak wujud konflik kepentingan dalam penerbitan artikel ini.

Peranan dan Sumbangan Penyelidik

Penyelidik dengan ini mengesahkan sumbangan dalam penyelidikan artikel ini seperti berikut: penyelidikan pengenalan, latar belakang kajian, objektif dan metodologi: Harliana Halim; pengumpulan data, analisis dan format akhir: Rafina Rose Nasaruddin; interpretasi dan kesimpulan: Shahidah Hamzah; persediaan draf manuskrip: Azizi Redza bin Zainal dan Muhamad Faisal bin Ahmad; Semua penyelidik terlibat dalam penilaian dapatan dan menyemak manuskrip akhir.

Penulis Utama

Rafina Rose Nasaruddin, Pelajar Pasca Siswazah, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Malaysia, gl190007@siswa.uthm.edu.my.

Rujukan

- Anwar, S. F. M. (2019) Tindakan bercanggah Perlembagaan. Berita Harian. (2019, Ogos 24).
- Baharin, H. B. (2019) Rangka kaedah baharu atasi kemiskinan. Berita Harian (2019, Ogos 25).
- Berita Harian (2019) 116 ditahan salah guna bahan khayal. (2019, Julai 31).
- Berita Harian (2019) Tanah rizab Melayu di Terengganu kritikal. (2019, Ogos 17).
- Berita Harian. (2020) Keputusan majoriti 4-3. Berita Harian. (2020, Januari 3).
- Braun, V. and Clarke, V. (2006) Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3 (2).77-101
- Creswell, J. W. (2013). *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Approaches*. Sage Publications.
- Dr Mahathir kesal pihak bantah Melayu berhimpun. Berita Harian. (2019, October 26).
- Fereday, J., & Muir-Cochrane, E. (2006). Demonstrating rigor using thematic analysis: A hybrid approach of inductive and deductive coding and theme development. *International journal of qualitative methods*, 5(1), 80-92.

- Halid, S. (2020) JAKIM cari kaedah terbaik selesai isu. Berita Harian. (Februari 10, 2020).
- Halid, S. (2020). JAKIM cari kaedah terbaik selesai isu. Berita Harian. (2020, February 11).
- Holloway, I. & Daymon, C. (2003). Qualitative research methods in public relations and marketing communications.
- Ibrahim, M. I. (2020, January 2). NGO berhimpun desak haramkan Dong Zong. Berita Harian.
- Idris, R. (2019, October 9). Kongres bangkit kesedaran, erat perpaduan. Berita Harian
- Ikhsan, M. F., & Sazili, S. (2019, December 9). 'Lagu Negaraku tak boleh dinyanyikan dalam bahasa lain'. Berita Harian.
- Ismail, I. S. (2019) Pameran satukan ummah. Berita Harian. (2019, Julai 26)
- Ismail, I. S. (2019) Pameran satukan ummah. Berita Harian. (2019, Julai 26)
- Ismail, I. S. (2019, November 15). Seksyen 13A BDRA tak terpakai untuk Muslim. Berita Harian.
- Jaafar, N. (2019, November 26). Belum tahu status tanah. Berita Harian.
- Kembalikan kedudukan bahasa Melayu di universiti. Berita Harian. (2019, December 17).
- Khalid, K. A. T., & Ishak, S. (2019). Penerimaan dan Penolakan International Convention on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination (ICERD) dalam Kalangan Masyarakat Melayu dan Bumiputera di Malaysia. *Islamiyyat*, 41(2), 81-91.
- Khalid, Kartini Aboo Talib (2016) Dilema kemiskinan: Falsafah, budaya dan strategi. *Akademika* 86(2): 65-78. <http://doi.org/10.17576/akad-2016-8602-05>
- Mansor, L. (2019, September 27). Kerajaan lebih teliti saring kontrak Bumiputera: PM. Berita Harian.
- McQuail, Denis. (1983). Mass Communication Theory. An Introduction. London: SAGE Publications.
- Mohamad, H. F. (2019). Tawaran harga menarik tanah Kampung Baru. Berita Harian. . (2019, Julai 30).
- Mohamad, M. H. (2019, November 5). Sistem pendidikan tunggal satukan kaum. Berita Harian.
- Muhammad, A. M., Pawi, A. A. A., & Yaakub, M. T. (2022). Analisis Isu-isu Keterancaman Melayu Terpilih Era Pentadbiran Pakatan Harapan. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(10), e001815-e001815.
- Muhammad, M. I. H. (2019, April 15). Pemuda Amanah gesa siasat Felda, FGV segera. Sinar Harian.
- Mustapha, R. (2015). Media dan Masyarakat: Peranan Akhbar Berita Harian dalam Pembinaan Negara. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- New Straits Times Press (M) Berhad. (2018). "Media History in Malaysia." Kuala Lumpur: NSTP
- Omar, I. (2020) RMKe-12 perlu majukan tanah rizab, wakaf, adat. Berita Harian. (2020, Januari 29)
- Omar, I. (2020). RMKe-12 perlu majukan tanah rizab, wakaf, adat. Berita Harian. (2020, Januari 29)
- Patton, M. Q. (2015). Qualitative Research & Evaluation Methods: Integrating Theory and Practice. Sage Publications.
- Rahim, N. F., & Ishak, M. (2020). 'PPSMI tak wajar diteruskan'. (2020, Februari 8).

- Rahim, N. F., & Ishak, M. (2020). 'PPSMI tak wajar diteruskan'. Berita Harian. (2020, February 8).
- Rohman, M. A. P. (2019 October 8). Menteri Kewangan perlu jaga hak Melayu, Bumiputera. Berita Harian.
- Saheh, S. (2019, September 14). Menempuhi cabaran pembangunan Kampung Baru. Berita Harian.
- Samadi Ahmad, (2020). Dong Zong serah memorandum tolak tulisan Jawi. Berita Harian. , Januari 2)
- Samadi Ahmad. (2020). Dong Zong serah memorandum tolak belajar Jawi. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/01/643414/dong-zong-serah-memorandum-tolak-belajar-jawi>
- The New Straits Times Press (M) Berhad. (2020). Corporate Information: Berita Harian. Retrieved from <https://www.nstp.com.my/corporate-history-2/>
- Todd, M & Johnson, S. (2003)Journal of Financial Economics, vol. 67, issue 2, 351-382
- Zakaria, B. K. (2019) Usah bahas lagi isu bahasa Melayu. Berita Harian. (2019, September 8).
- Zulkiffli, Z. (2019) Notis dianggap tidak terpakai'. Berita Harian. (2019, December 30).